

17/07/2001

Dr M pemimpin Melayu luar biasa

KUALA LUMPUR, Isnin - Tiada pemimpin lain yang boleh menandingi kewibawaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam membawa Malaysia ke arah kemajuan, kestabilan dan keamanan yang `dicemburui' dunia.

Sambil memberi sokongan kepada kepemimpinan Dr Mahathir, pelbagai pihak hari ini menyatakan Malaysia masih memerlukan kepemimpinan beliau sebagai Perdana Menteri demi pembangunan dan kesejahteraan rakyat pelbagai kaum.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Datuk Siva Subramaniam, berkata Cuepacs merasakan rakyat Malaysia bernasib baik kerana mempunyai pemimpin berkaliber dan dihormati dunia seperti Dr Mahathir.

"Pemimpin yang berkebolehan seperti Dr Mahathir amat sukar dilahirkan. Kebolehannya adalah sesuatu yang luar biasa dan sehingga hari ini, tidak ada pemimpin lain yang sama cemerlang dengan beliau bagi menggantikan tempatnya.

"Kita patut menghargai segala sumbangannya dan Cuepacs merasakan rakyat Malaysia masih memerlukan kepemimpinannya," katanya ketika dihubungi, di sini hari ini.

Hari ini genap 20 tahun Dr Mahathir memegang jawatan Perdana Menteri, sejak beliau menerajui negara pada 16 Julai 1981 menggantikan Allahyarham Tun Hussein Onn yang meletak jawatan atas alasan kesihatan.

Siva yang juga Setiausaha Agung Kongres Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) berkata, kewibawaan Dr Mahathir bukan saja diakui Malaysia, tetapi negara membangun lain yang sentiasa inginkan seorang pemimpin sepertinya.

Malah, beliau berkata, keberanian dan kebolehan Dr Mahathir itu sering digeruni kuasa Barat yang tidak mahu melihat seorang pemimpin Melayu mempunyai kebolehan yang sama taraf dengan pemimpin negara berkenaan.

Presiden Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia, Datuk Chong Chi Shong, pula berpendapat Dr Mahathir adalah seorang pemimpin yang terbaik yang pernah dilahirkan di rantau ini.

"Di bawah pimpinan beliau, rakyat dapat menikmati pembangunan, keamanan, kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi. Beliau sudah membawa pembangunan besar kepada negara seperti projek kereta nasional, lebuhraya dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

"Bukan itu saja, Dr Mahathir juga telah mengambil rangka tepat dalam mengatasi krisis ekonomi pada 1997. Langkah-langkah yang diambil seperti kawalan kewangan, telah menstabilkan nilai ringgit dan berjaya menurunkan kadar faedah pinjaman," katanya.

Naib Presiden Dewan Perniagaan dan Perdagangan Melayu Malaysia, Syed Amin Al-Jeffri, berkata tidak ada seorang pemimpin yang mempunyai kualiti yang sama dimiliki Dr Mahathir.

Katanya, rakyat Malaysia memahami segala tindakan dan keputusan yang dibuatnya, walaupun ada di antara tindakan beliau mengundang kritikan yang hebat dari segelintir pihak, termasuk kuasa asing.

"Bagaimanapun, Dr Mahathir berjaya menyelesaikan segala kesilapan yang dilakukannya dan rakyat faham bahawa segala keputusan yang dibuat adalah demi pembangunan dan kesejahteraan rakyat secara keseluruhan," katanya.

(END)